



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT MBN KE-3 SEPAKAT PERKUKUH PENGURUSAN BIODIVERSITI NEGARA

Mesyuarat Majlis Biodiversiti Negara Ketiga (MBN Ke-3) sepakat mengukuhkan pengurusan biodiversiti negara. Keputusan itu dipersetujui dalam MBN Ke-3 yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof di Putrajaya, hari ini.

Ia berdasarkan daripada tiga (3) kertas pertimbangan dan lima (5) kertas makluman yang dibentangkan dalam mesyuarat tersebut. Antara yang dipersetujui merangkumi :

- (i) pemegang taruh khususnya kerajaan negeri mengambil bahagian secara aktif dalam sesi libat urus bagi penyertaan Malaysia dalam Perjanjian *Biodiversity Beyond National Jurisdiction* (BBNJ) iaitu perjanjian antarabangsa bagi melindungi biodiversiti marin di kawasan luar bidang kuasa negara (*Area Beyond National Jurisdiction* - ABNJ);
- (ii) pengukuhan tindakan mitigasi konflik hidupan liar yang komprehensif di Jalan Raya Timur-Barat (JRTB), Gerik, Perak serta keperluan Jawatankuasa Konflik Manusia dan Hidupan Liar di peringkat negeri dan kebangsaan mengambil tindakan yang lebih proaktif; dan
- (iii) penubuhan Jawatankuasa Pemandu *One Health* Kebangsaan (JPOHK) bagi mengukuhkan tadbir urus dan melaksanakan pendekatan *One Health* di Malaysia secara lebih menyeluruh dan berkesan.

MBN Ke-3 turut mengambil maklum beberapa inisiatif dan pencapaian penting dalam usaha konservasi biodiversiti termasuk pembangunan tukun tiruan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dalam usaha pemuliharaan sumber perikanan dan biodiversiti marin; inisiatif teknologi angkasa oleh Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) bagi menyokong kelestarian biodiversiti negara; pembangunan Sistem Malaysia *Traditional Knowledge Digital Library* (MyTKDL) bagi melindungi pengetahuan tradisional berasaskan sumber genetik; inisiatif pengurusan buaya di Sarawak untuk mengurangkan konflik dan kejayaan Projek Pemulihan

Semula Hutan Simpan Bukit Piton yang merupakan habitat penting bagi populasi Orang utan di Sabah.

Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad serta wakil Menteri-menteri Persekutuan dan Premier/ Menteri Besar/ Ketua Menteri.

Sempena MBN Ke-3 ini, YAB Timbalan Perdana Menteri turut melancarkan logo dan portal Pusat Biodiversiti Malaysia (Malaysia *Biodiversity Centre* - MBC). Logo yang telah dipilih melalui Pertandingan Mencipta Logo MBC bagi mempromosikan peranan MBC sebagai pusat kecemerlangan biodiversiti kebangsaan merupakan hasil rekaan guru dari Sekolah Kebangsaan Green Road, Kuching, Sarawak, Abang Muhammad Zulhanis Abg Zakeria. Selain itu, Lencana Kepandaian Biodiversiti Pengakap turut dilancarkan melalui kerjasama NRES dengan Persekutuan Pengakap Malaysia bagi memupuk minat, pengetahuan dan semangat dalam kalangan belia ke arah membentuk wira biodiversiti negara.

Majlis Biodiversiti Negara (MBN) merupakan platform utama bagi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri membincangkan hala tuju dan strategi biodiversiti di peringkat kebangsaan yang diurus setiakan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES).

MBN terus memainkan peranan sebagai platform yang signifikan dalam memperkukuh pengurusan biodiversiti negara, selaras dengan prinsip Malaysia MADANI yang menekankan kelestarian alam, kebertanggungjawaban dan kesejahteraan generasi masa hadapan. Pendekatan ini memastikan khazanah biodiversiti negara dimanfaatkan secara mampan dan diwariskan kepada generasi akan datang.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

27 MEI 2025



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

 nresmalaysia